

PERMOHONAN DATA BERKAITAN KUALITI AIR, JABATAN ALAM SEKITAR

1. Bagi tujuan permohonan data berkaitan kualiti air sungai/ air tanah atau marin, hendaklah mengemukakan perkara-perkara berikut:
 - i) Borang permohonan data (Borang DA/1/08) yang lengkap;
 - ii) Surat pengesahan yang ditandatangani oleh Penyelia/Pensyarah projek/kajian dengan menggunakan kertas *letterhead* Universiti/Jabatan (nyatakan tajuk kajian dan keperluan data); dan/atau
 - iii) Surat yang menyatakan keperluan data serta impak ke atas objektif kajian sekiranya data tidak mencukupi. (Bagi permohonan data yang melebihi tempoh lima tahun); dan
 - iv) Intipati projek/kajian yang menerangkan objektif, skop penggunaan data JAS, metodologi kajian dan hasil yang dijangka diperoleh daripada kajian.
2. Dimaklumkan bahawa tempoh pemprosesan permohonan adalah **sepuluh (10) hari bekerja** bermula daripada hari **permohonan lengkap** diterima.
3. Data yang dibenarkan adalah data bagi tahun terkini di mana Laporan *Environmental Quality Report* telah diterbitkan hingga ke tahun-tahun sebelumnya. Secara asas, tempoh data yang dibenarkan adalah lima tahun. (i.e: 5 tahun contoh 2010-2014). Jika keperluan data melebihi 5 tahun, sila sertakan perkara (iii) di atas untuk penelitian lanjut.
4. Setakat ini, tiada apa-apa yuran atau bayaran bagi permohonan berkaitan data kualiti air daripada Jabatan ini.

5. Sekiranya permohonan diluluskan, adalah difahami bahawa anda telah bersetuju untuk mematuhi semua syarat-syarat seperti berikut;

i. Data-data tidak boleh digunakan untuk tujuan selain daripada yang telah ditetapkan dalam Borang Permohonan melainkan mendapat kebenaran bertulis daripada Jabatan.

(The data shall not be used for any purpose other than the purpose(s) as specified in the Application Form without the prior written permission of the Department).

ii. Pemohon adalah bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkinan berkaitan dengan penilaian data, penafsiran, cara laporan dibuat, penyampaian hasil keputusan, pandangan-pandangan, penemuan-penemuan dan kesimpulan atau syor-syor yang dikemukakan. Segala maklumat-maklumat atau penemuan-penemuan yang diperolehi daripadanya adalah tidak mewakili pandangan-pandangan atau penemuan-penemuan oleh Jabatan Alam Sekitar.

(The Applicant shall be held responsible and liable for any further data evaluation and interpretation and the manner of reporting and presentation of the results; views; findings and conclusions or recommendations generated there-from. Such subsequently derived information by the Applicant shall in no way be construed to represent the views or findings of the Department of Environment).

iii. Jabatan Alam Sekitar hendaklah dimaklumkan terhadap sebarang data yang diperolehi daripadanya. **Satu salinan yang berkaitan** dengan bahagian atau seksyen dalam laporan atau penerbitan atau tesis atau dokumen berkaitan dengan data tersebut hendaklah dikemukakan kepada Jabatan dengan **percuma** dan untuk maksud tersebut, berikut disertakan alamat :

(The Department of Environment shall be acknowledged with

*respect to any data derived from it and a copy of the relevant part or section of any report or publication or thesis or document relating to such data shall be made available to the Department, **free of charge** and for which purpose the following address is provided):*

Ketua Pengarah

Jabatan Alam Sekitar

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC)

Aras 1-4, Podium 2 & 3, Wisma Sumber Asli

No. 25, Persiaran Perdana Presint 4

62574 PUTRAJAYA

(u.p: Pengarah Bahagian Air & Marin)

6. Sila ambil maklum bahawa kegagalan anda untuk mematuhi syarat-syarat di atas boleh menyebabkan nama anda **disenaraihitamkan** oleh Jabatan ini dan permohonan pada masa akan datang oleh anda atau pelajar lain daripada Universiti yang sama tidak akan dipertimbangkan.